



## IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK

Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej 1971, dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan akademik secara Tetap/Kontrak di **FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN** seperti berikut:

HUBUNGAN ANTARABANGSA (UH6313001)	
1	POLITIK EKONOMI ANTARABANGSA
2	POLITIK ANTARABANGSA ASIA PASIFIK
KOMUNIKASI (UH6321001)	
1	PENYIARAN
2	PERHUBUNGAN AWAM
3	KEWARTAWANAN
SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL (UH6312001)	
1	ANTROPOLOGI

### JAWATAN : PENSYARAH UNIVERSITI (GRED DS51/DS53/KHAS C)

- i. **Klasifikasi Perkhidmatan** : Perkhidmatan Pendidikan  
ii. **Kumpulan Perkhidmatan** : Pengurusan dan Profesional

### SYARAT-SYARAT UMUM

- Berusia sekurang-kurangnya 18 tahun bagi calon warganegara pada tarikh tutup iklan;
- Mempunyai latar belakang pencapaian akademik yang baik, iaitu calon dengan Ijazah Sarjana Muda hendaklah mencapai purata nilai gred kumulatif sekurang-kurangnya 3.0, atau yang setaraf dengannya;
- Bidang pengkhususan kelayakan adalah relevan dan bersesuaian dengan keperluan dan penempatan bidang yang diperlukan (contoh: calon dengan kelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki bidang kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang relevan dan berkaitan dengan kelayakan Sarjana tersebut);
- Calon warganegara bagi tujuan pelantikan tetap hendaklah memperolehi kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya);
- Mempunyai kelayakan atau kebolehan pertuturan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris yang baik (contoh: calon warganegara memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, keputusan *Malaysian University English Test* (MUET) sekurang-kurangnya *Band 3*;
- Adaptasi Teknologi** – Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran serta membawa UMS ke arah kejayaan pada zaman digital; dan
- Komunikasi** – Memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.



## SYARAT LANTIKAN

### **KELAYAKAN LANTIKAN KE PENSYARAH KANAN GRED DS51:**

- Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
- Bidang/Kelayakan Khusus
- i. Memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - ii. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan;
  - iii. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
  - iv. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
- Jadual Gaji : (Min) RM5,855.00 – (Maks) RM12,445.00

### **KELAYAKAN LANTIKAN KE PROFESOR MADYA GRED DS53 :**

- Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
- Bidang/Kelayakan Khusus : Memenuhi syarat lantikan Gred DS51 dan;
- i. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan;
  - ii. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
  - iii. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
- Jadual Gaji : (Min) RM6,162.00 - (Maks) RM13,235.00



## **KELAYAKAN LANTIKAN KE PROFESOR GRED KHAS C :**

- Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
- Bidang/Kelayakan Khusus : Memenuhi syarat lantikan Gred DS51 dan;
- i. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan;
  - ii. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya;
  - iii. Mempunyai rekod dalam penerbitan yang berimpak tinggi; dan
  - iv. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
- Jadual Gaji : (Min) RM7,676.00 – (Maks) RM20,592.00

### **SYARAT TAMBAHAN**

Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang mempunyai kriteria seperti berikut:

1. Mempunyai penerbitan dalam jurnal berindeks (ERA/SCOPUS/WOS).

### **CARA MEMOHON**

Pemohon perlu mengemukakan CV dan salinan sijil-sijil akademik kepada Pejabat Pentadbiran Fakulti melalui emel: [fsskperjawatan@ums.edu.my](mailto:fsskperjawatan@ums.edu.my)

**Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

**Tarikh tutup permohonan pada: 15 APRIL 2022 (JUMAAT)**

**PEROKOK ADALAH TIDAK DIGALAKKAN MEMOHON**

### **MAKLUMAT LANJUT**

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan:

<b>BIL</b>	<b>NAMA PEGAWAI</b>
<b>1</b>	<b>Yusrinah binti Abd Menit</b> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Emel: <a href="mailto:yusrina@ums.edu.my">yusrina@ums.edu.my</a>